

Banyak faktor bantu Pak Lah menang

Oleh Eileen Ng

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad meramalkan penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan mendapat kemenangan besar pada Pilihan Raya Umum ke-11, Ahad ini.

Bekas Perdana Menteri itu menyifatkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, keharmonian kaum, usaha membantaras rasuah dan kemarahan yang semakin reda terhadap penyingkiran serta penangkapan Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai faktor kemenangan Abdullah.

"Pencapaiannya amat memberangsangkan. Saya yakin beliau akan menang dengan majoriti lebih besar berbanding 1999," katanya dalam temu bual bersama *AFP* lima bulan selepas persaraannya, semalam.

Bagaimanapun, beliau menyifatkan peranan Islam dalam kerajaan sebagai cabaran utama manakala persaingan di antara Umno dan Pas ke arah meraih sokongan rakyat beragama Islam semakin hebat.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, usaha menawan semula Kelantan yang diperintah Pas sejak 1990, kelihatan sukar berikutan perbalahan dalaman Umno di negeri itu.

Namun, beliau meramalkan peluang '50-50' bagi Umno mendapatkan semula



Terengganu kerana wujud pelbagai rasa tidak puas had terhadap kepemimpinan Pas.

Dr Mahathir turut menolak kemungkinan Pas menawan Kedah berikutan prestasi mendadak parti itu pada 1999.

"Saya rasa prestasi BN di Kedah kali ini lebih baik berbanding 1999. Saya tidak fikir Kedah akan jatuh ke tangan Pas... ia tidak semudah itu melainkan berlaku malapetaka," katanya.

Beliau turut membidas pemimpin Pas kerana menjanjikan syurga kepada mereka yang mengundi parti itu.

"Itu adalah tafsiran yang merosakkan Islam. Tafsiran Pas mengenai Islam adalah salah dan mereka bertanggungjawab terhadap perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam.

"Sebagai contoh, mereka menyifatkan saya sebagai kafir dan sesiapa yang tidak mengundi Pas tidak akan masuk syurga. Itu adalah sesuatu yang malang kerana ada 1.3 bilion umat Islam yang tidak dapat mengundi Pas kerana mereka ti-

dak berada di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, faktor Anwar sudah semakin tenggang menjadi isu besar pada 1999 apabila penyingkiran dan pemenjaraan bekas timbalannya itu mendorong ramai orang Melayu memilih Pas.

Dr Mahathir mengakui berasa 'marah' apabila mendapat tahu Anwar dcederakan oleh bekas ketua polis negara dan gambar bekas pemimpin itu yang lebam matanya dijaja ke serata dunia, tetapi tidak kesal memecat Anwar.

"Jika diminta mengulanginya, saya akan melakukannya kerana saya tidak boleh menerima individu yang rendah moralnya untuk menjadi pengganti sebagai Perdana Menteri. Saya mempunyai tanggungjawab terhadap negara dan saya mengambil tindakan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, Anwar yang kini menjalani hukuman penjara 15 tahun kerana kesalahan meliwat dan rasuah, merancang untuk mencabar kepemimpinan negara ketika itu.

"Dia sudah lama membuat perseediaan kerana dia bukan saja meraih sokongan dalam negara tetapi turut menjangkau di luar negara," katanya.

Dr Mahathir yakin ramai pengundi Melayu akan kembali menyokong Umno apabila menunaikan tanggungjawab mereka, Ahad ini.

"Sepanjang empat tahun lalu, pelbagai



DR MAHATHIR serius menjelaskan sesuatu kepada wartawan *AFP* yang menemuramah beliau di Putrajaya, semalam. - Gambar *AFP*

penjelasan sudah diberi. Rakyat sudah dapat menerima bahawa tindakan saya tidak ada kena mengena dengan dendam atau perkiraan peribadi," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika BN gagal menyerlah pada pilihan raya umum ini, Abdullah akan menerima tekanan daripada Umno tetapi tidak mungkin dicabar pada pemilihan parti yang dijahgka tahun ini.

"Saya rasa beliau mempunyai sokongan padu (dalam Umno). Saya tidak fikir beliau akan menerima keputusan yang lebih buruk dari 1999 dan jika, saya tegaskan jika, pencapaian kali ini adalah lebih buruk berbanding 1999, sudah tentu beliau akan berdepan dengan tekanan. Beliau tidak akan dicabar tetapi pasti timbul rasa tidak puas hati," katanya.